

Hujan lebat awal pagi semalam turut menyebabkan pokok tumbang

25 rumah dilanda banjir kilat

GEORGE TOWN – Hujan lebat kira-kira tiga jam awal pagi semalam menyebabkan beberapa kawasan di negeri ini dinaiki air dengan kawasan yang teruk terjejas ialah Balik Pulau.

Hujan lebat sejak pukul 5 pagi itu menyebabkan 25 rumah di lima buah kampung di Balik Pulau di sini ditenggelami air sehingga paras lutut.

Kawasan yang terlibat ialah Kampung Genting, Pulau Betong, Kampung Terang, Kampung Pinang Lirai dan Kampung Sungai Burung.

Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri berkata, hujan

serta angin kencang itu turut menyebabkan kejadian pokok tumbang di jalan menuju ke Kampung Pinang Lirai.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir Pulau Pinang Chow Kon Yeow berkata, kawasan lain yang turut dilanda banjir kilat ialah Jalan Kampung Relau, Jalan P. Ramlee dan jalan sekitar kawasan Bukit Minyak.

"Punca sebenar banjir kilat di kawasan itu ialah curahan hujan lebat antara 51 milimeter (mm) dan 65 mm dalam tempoh satu jam bermula pukul 5.15 pagi," katanya dalam

satu kenyataan di sini semalam.

Sementara itu, seorang penduduk Kampung Pinang Lirai, Daharah Bakar, 61, berkata, ini adalah kali ketiga rumahnya dinaiki air dalam tempoh tidak sampai dua minggu.

Katanya, setiap kali hujan lebat, beliau pasti tidak tidur lena kerana bimbang air akan masuk ke dalam rumah.

DAHARAH (kanan) bersama anaknya, Abdul Halim Awang, 32, membawa barang-barang mereka ke tempat selamat setelah rumah mereka di Kampung Pinang Lirai, Balik Pulau dinaiki air semalam.

